

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PENOLONG PENGURUS TAMAN/ LADANG

1. SKIM PERKHIDMATAN

Penolong Pengurus Taman/Ladang Gred G29, G32, G36, G40.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah.

3. RINGKASAN TUGAS

Merancang dan menyelaras aktiviti Bahagian Penyelidikan dan Pendidikan, melaksanakan penyelidikan saintifik mengenai biodiversiti dan memastikan penyelidikan mengikut keperluan semasa atau keperluan jangka panjang, mengawal dan memantau aktiviti penyelidikan luar, mengumpul dan mengurus koleksi specimen herbarium dan muzium, membangunkan pengisian pusat maklumat (galeri), menyelaras perancangan aktiviti pendidikan alam sekitar dan pemuliharaan, merancang pembangunan kebun pemuliharaan ex-situ.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Penolong Pengurus Taman (Botani) G27, G32, G36, G40.

4.1.1 Aspek Penyelidikan dan Pendidikan

- a. Membantu merancang kegiatan penyelidikan saintifik yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan.
- b. Membantu menyelaras dan mengatur aktiviti penyelidikan oleh saintis luar dan bertanggungjawab memantau aktiviti penyelidikan yang dijalankan.
- c. Mendokumentasikan hasil penyelidikan yang telah dibuat berkaitan bidang botani.
- d. Mengutip dan mengurus koleksi spesimen tumbuh-tumbuhan di herbarium.
- e. Menyelenggara kemudahan dan peralatan makmal botani.
- f. Mengurus dan menyelenggara kebun-kebun ex-situ pemuliharaan flora.

- g. Membantu melaksanakan kegiatan pendidikan alam sekitar di dalam taman.
 - h. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarah dari masa ke semasa oleh pengarah atau pegawai atasan lain.
- 4.1.2 Aspek Pentadbiran, Kewangan dan Pembangunan Sumber Manusia
- a. Perkhidmatan dan hal-ehwal kakitangan.
 - b. Kenderaan.
 - c. Perjalanan.
 - d. Menjalankan tugas Pegawai Penyelidikan Botani semasa ketiadaannya.
- 4.1.3 Aspek Zoologi - Bahagian Penyelidikan dan Pendidikan
- a. Menjalankan penyelidikan-penyelidikan saintifik haiwan daratan.
 - b. Membantu menyelaraskan dan mengatur aktiviti penyelidikan oleh saintis luar dan bertanggungjawab memantau aktiviti penyelidikan yang dijalankan.
 - c. Mendokumentasikan hasil penyelidikan yang telah dibuat berkaitan bidang zoologi.
 - d. Mengutip dan mengurus koleksi spesimen haiwan termasuk penyelenggaraan muzium zoologi dan entomologi.
 - e. Menyelenggara kemudahan dan peralatan makmal zoologi.
 - f. Mengurus dan menyelenggara haiwan-haiwan peliharaan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan di taman-taman fauna dan mengetuai operasi translokasi haiwan.
 - g. Membantu melaksanakan kegiatan pendidikan alam sekitar di dalam taman.
 - h. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarah dari semasa ke semasa oleh pengarah atau pegawai atasan lain.

- i. Menjalankan tugas Pegawai Penyelidikan Zoologi semasa ketiadaannya.

4.1.4 Aspek Marin - Bahagian Penyelidikan dan Pendidikan

- a. Menjalankan penyelidikan-penyelidikan saintifik haiwan marin.
- b. Membantu menyelaras dan mengatur aktiviti penyelidikan oleh saintis luar dan bertanggungjawab memantau aktiviti penyelidikan yang dijalankan.
- c. Mendokumentasikan hasil penyelidikan yang telah dibuat berkaitan bidang biologi marin.
- d. Mengutip dan mengurus koleksi spesimen haiwan dan tumbuhan marin termasuk penyelenggaraan muzium marin.
- e. Menyelenggara kemudahan dan peralatan makmal penyelidikan marin.
- f. Mengurus dan menyelenggara haiwan-haiwan marin peliharaan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan di makmal penternakan dan mengetuai operasi translokasi atau pemindahan haiwan marin.
- g. Membantu melaksanakan kegiatan pendidikan alam sekitar di dalam taman.
- h. Menjalankan tugas-tugas yang diarah dari masa ke semasa oleh pengarah atau pegawai atasan lain.

4.1.5 Aspek Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Pembangunan

- a. Perkhidmatan dan hal-ehwal kakitangan.
- b. Pengangkutan bot.
- c. Perjalanan.
- d. Menjalankan tugas Pegawai Penyelidikan Botani semasa ketiadaannya.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Bahagian-bahagian dalam jabatan.

Luaran

- a. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS).
- b. Kementerian/jabatan kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan.
- c. Para penyelidik tempatan dan luar negara.
- d. Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan luar negara.
- e. Institusi penyelidikan tempatan dan luar negara.
- f. Jabatan dan agensi di bawah KePKAS.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Kawasan semulajadi daratan dan marin.
- b. Meliputi semua stesen utama dan sub-stesen.
- c. Kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang berpotensi atau zon untuk berbagai aktiviti pembangunan, zon penyelidikan atau zon perlindungan.

7. KEMAHIRAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- a. Kebolehan menguruskan aspek-aspek berkaitan skop fungsi tugas.
- b. Kemahiran menyesuaikan keperluan penyelidikan dan kaedah penyelidikan yang digunakan.
- c. Bidang sains yang khusus dan berkaitan dengan pemuliharaan biodiversiti.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Memahami keperluan semasa dan keperluan jangka panjang.
- b. Mampu dari segi mental dan fizikal untuk melaksanakan kerja-kerja di lapangan.
- c. Mempunyai minat dalam pekerjaan dan bidang yang dipertanggungjawabkan.
- d. Mempunyai komitmen yang tinggi kepada jabatan.

Sumber : E-mel dari Taman-Taman Sabah bertarikh 22 September 2012.